

## Ketagihan dadah kanak-kanak jejas masa depan

June 24, 2016, Friday

### ***Rakyat jadi penagih dadah tidak lagi aset, sebaliknya liabiliti kepada negara, masyarakat dan keluarga***

KUCHING: Penyalahgunaan dadah di Malaysia bukan sahaja memberi ancaman kepada negara, keselamatan dan pembangunan sosioekonomi tetapi menjadi masalah pada masa depan apabila kanak-kanak seawal umur tujuh tahun sudah ketagihan dadah.

Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, seperti yang didedahkan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), kanak-kanak terbabit dalam penagihan dadah kerana ibu bapa mereka adalah penagih dadah.

“Sesetengah kanak-kanak menggunakan dadah yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka di rumah sementara ada juga yang dibiarkan oleh ibu bapa mereka untuk menyimpang dalam penyalahgunaan dadah.

“Kanak-kanak sekolah pula ketagihan dadah apabila mereka diberikan gula-gula percuma yang telah pun dicampur dengan dadah oleh pengedar dadah,” katanya menerusi kenyataan akhbar di sini, semalam.

Malah, Lee memberitahu, kini dadah juga lebih murah sekali gus menjadikannya lebih mudah dan murah untuk anak-anak muda.

“Sebagai contoh, harga pil ekstasi telah menurun kira-kira sepuluh kali ganda dalam tempoh satu dekad.

“Ini adalah satu perkara yang sangat serius kerana anak-anak adalah pemimpin masa depan yang sepatutnya membesar menjadi rakyat yang produktif dalam pelbagai kedudukan,” jelasnya.

Menurutnya lagi, apabila rakyat Malaysia menjadi penagih dadah, mereka tidak lagi merupakan aset negara sebaliknya adalah liabiliti kepada negara, masyarakat dan keluarga mereka.

“Kita tidak boleh tidak mengambil peduli dengan perkembangan terbaharu dalam penagihan dadah. Kanak-kanak adalah masa depan kita dan mereka boleh membina atau meruntuhkan sebuah negara,” tambahnya.

Sehubungan itu, Lee menegaskan keluarga mempunyai peranan penting dalam memerangi penyalahgunaan dadah kerana ia adalah benteng utama dan pertama dalam kebanyakan jenayah sosial yang dihadapi dalam negara.

Katanya, kuasa dan potensi keluarga adalah lebih besar dan lebih bermakna daripada semua kekuatan dalam semua agensi penguatkuasaan dalam menangani penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Selain itu, beliau memberitahu Malaysia mempunyai beberapa undang-undang dalam memerangi dadah termasuk hukuman mati mandatori terhadap mereka yang didapati bersalah mengedar dadah.

“Meskipun terdapat hukuman mati dan kita juga telah membelanjakan beratus-ratus juta ringgit untuk menangani ancaman dadah dalam tempoh empat dekad lalu, masalah dadah ini masih berleluasa dan bilangan penagih dadah semakin meningkat, malah usia penagih dadah semakin muda seawal hanya kanak-kanak di peringkat sekolah rendah.

“Menurut AADK, jumlah penagih dadah yang berdaftar di antara tahun 2010-2014 adalah 100,938 (laporan terkini), namun ia perlu diberi perhatian bahawa bagi setiap penagih dadah yang dikenal pasti terdapat empat orang lain yang belum dikenal pasti,” ujarnya.

Justeru, katanya, Penubuhan Majlis Penyalahgunaan Dadah Malaysia (MASAC) untuk memberi khidmat masyarakat percuma dalam pencegahan penyalahgunaan dadah, rawatan dan pemulihan adalah satu langkah yang betul.

“Usaha oleh badan NGO amat diperlukan kerana hanya kerajaan sahaja tidak mampu untuk melawan musuh nombor satu orang ramai ini,” katanya lagi.